



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

HARI : KHAMIS
TARIKH : 16/12/2021
M/SURAT : 1

**28 peniaga kena
kompaun tidak
patuh Skim
Harga Maksimum
Keluarga Malaysia**
Nasional 14

28 peniaga ingkar SHMKM kena denda RM7,900

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan kompaun bagi 28 kes berjumlah RM7,900 ke atas peniaga di seluruh negara bermula 7 Disember hingga semalam.

Timbalan Pengarah Penguasaan (Pencegahan) Bahagian Penguasaan KPDNHEP, Aris Mamat, berkata kompaun itu dikeluarkan sepanjang tempoh Penguasaan Harga Maksimum Barang Terpilih Di Bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) membabitkan pemeriksaan ke atas 11,474 premis perniagaan di seluruh negara.

Katanya, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa KPDNHEP terbabit dalam pemantauan skim harga maksimum berkenaan dan antara kesalahan dilakukan peniaga termasuk tidak meletakkan tanda harga merah jambu, tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan dan menjual melebihi had harga ditetapkan.

"Pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalan-



Aris bertanya sesuatu kepada peniaga, Zarina Abdullah ketika meninjau harga ayam sempena Walkabout Pemantauan dan Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pasar Besar Siti Khadijah, di Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

kan pemeriksaan serta pemantauan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga tidak beretika.

"Pada masa sama, kementerian turut mempertingkatkan peman-

tauan harga melalui pegawai pemantau harga barang keperluan asas di seluruh negara.

"Selain itu, kita juga sudah menyediakan pelbagai medium penyiaran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan adu-

an berkaitan isu harga barang keperluan asas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Walkabout Pemantauan dan Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di Pasar Besar Siti

Khadijah, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri.

Sementara itu, Aris berkata, tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati harga ayam dan sayuran mula menunjukkan trend penurunan walaupun tidak ketara.

"Kenaikan harga barang keperluan sebelum ini disebabkan keadaan cuaca, selain kebergantungan kepada barang import bagi menampung keperluan rakyat.

"Bagaimanapun, pihak KPDNHEP sentiasa mengambil maklum berhubung isu kenaikan harga barang yang dilaporkan di media arus perdana dan media sosial.

"Kami sentiasa melakukan penguasaan dan pemeriksaan untuk menangani isu kenaikan harga barang dilaporkan melalui pelbagai pendekatan berterusan serta agresif," katanya.

Aris berkata, kerajaan serius menangani isu kenaikan harga barang pada masa ini dan KPDNHEP sudah melaksanakan SHMKM sebagai langkah mensertifikat harga barang keperluan dan bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran.

28 kompaun bernilai RM7,900 dikeluarkan kepada peniaga ingkar SHMKM

KOTA BHARU — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengeluarkan sebanyak 28 kompaun bernilai RM7,900 kepada peniaga yang ingkar Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dalam tempoh seminggu.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Aris Mamat berkata, kesemua kompaun itu dikeluarkan kepada peniaga di seluruh negara bermula SHMKM diperkenal pada 7 Disember lalu sehingga semalam.

Menurutnya, KPDNHEP telah menjalankan pemeriksaan di 11,474 premis perniagaan di seluruh negara sebelum mengeluarkan sebanyak 28 kompaun kepada peniaga yang ingkar.

"Kompaun dikeluarkan melibatkan kesalahan tiada tanda harga langsung, tidak meletakkan tanda harga warna merah jambu dan menjual melebihi harga maksimum."

"Secara keseluruhan kes itu adalah terkawal kerana kebanyakan peniaga dilihat masih mematuhi SHMKM yang



Kompaun dikeluarkan melibatkan kesalahan tiada tanda harga langsung, tidak meletakkan tanda harga warna merah jambu dan menjual melebihi harga maksimum."

ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan Operasi Pemantauan dan Pelaksanaan SHMKM di Pasar Besar Siti Khadijah di sini semalam.

Mengulas lanjut, menurut Aris, berdasarkan tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah, harga beberapa jenis sayur-sayuran menunjukkan penurunan antara RM2 hingga RM5, manakala kebanyakan peniaga menjual ayam mentah sehingga RM9.30 sekilogram.

Katanya, kenaikan harga barang yang berlaku sebelum ini berikutan keadaan cuaca dan kurang bekalan.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 16/12/2021
M/SURAT : 12

Harga sayur, ayam kembali stabil

KOTA BHARU - Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang berkuat kuasa pada 7 Disember lalu mula memberi impak positif apabila harga sayur dan ayam kembali stabil selepas naik mencancan sebelum ini.

Timbalan Pengarah (Pencegahan) Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Aris Mamat berkata, ia turut dibantu oleh bekalan kedua-dua barang keperluan harian itu yang semakin

banyak di pasaran ketika ini.

"Hasil pemantauan mendapati mendapat kebanyakan harga sudah turun dan semakin stabil seperti sedia kala," katanya kepada pemberita selepas turun padang membuat pemantauan dan pelaksanaan SHMKM di Pasar Siti Khadijah di sini pada Rabu.

Aris berkata, selain itu kebanyakan peniaga mengikut se-penuhnya harga yang telah ditetapkan di bawah skim berkenaan.

Menurut beliau, apa yang mengejutkan ada harga ayam di Pasar

Siti Khadijah dijual pada harga RM7.90 sekilogram berbanding harga kawalan RM9.30.

"Sepanjang pelaksanaan SHMKM bermula 7 Disember hingga Selasa sebanyak 11,474 premis perniagaan melibatkan pemborong dan peruncit telah diperiksa di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu sebanyak RM7,900 kompaun telah dikeluaran kepada pemborong dan peruncit sepanjang tempoh tersebut. Selaia itu, pelbagai barang rungit bernilai RM1,980 telah disita," katanya.



Aris (dua dari kanan) membuat pemantauan dan pelaksanaan SHMKM di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu pada Rabu.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **16/12/2021**
M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan			
▪ Ayam	RM7.99	▪ Telur Gred A	RM12.30
▪ Daging Lembu Tempatan	RM35	▪ Ikan Kembung	RM7.99
▪ Daging Lembu Import	RM15.50	▪ Minyak Masak	RM6.50
▪ Gula Pasir	RM2.85	▪ Bawang Besar Holland	RM2.50
▪ Bawang Putih	RM5.50	▪ Tepung Gandum	RM2.20
▪ Cili Merah	RM7.99		
▪ Kubis Bulat Tempatan	RM4.99		
▪ Tepung Gandum	RM2.20		

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : KHAMIS
TARIKH : 16/12/2021
M/SURAT : 1

New fuel prices Dec 16 – Dec 22	
RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM3.00 (+1 sen)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)